

# PM: Myanmar bukan ancaman antarabangsa

Um - 14/1/2007

Daripada G. MANIMARAN

CEBU CITY, Filipina 13 Jan. - Myanmar bukan isu yang mengancam keselamatan serantau dan antarabangsa sehingga ia perlu dibincangkan dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Myanmar harus dibolehkan meneruskan usaha ke arah proses penyatuan semula termasuk penggabulan perlembagaannya yang dijalankan sekarang.

"Situasi di Myanmar bukan satu situasi yang sewajarnya dilihat sebagai satu isu keselamatan antarabangsa yang akan mempunyai impak ke atas rantau ini," kata beliau pada sidang akhbar selepas Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 di sini petang ini.

Menurut Perdana Menteri, isu Myanmar



**SIDANG  
KEMUNCAK  
ASEAN KE-12**  
CEBU, FILIPINA

tidak sewajarnya tertakluk kepada perbahasan Majlis Keselamatan PBB, sebaliknya perlu dibincangkan pada forum lain yang lebih sesuai.

Beliau mengulas tindakan China dan Rusia semalam yang menggunakan undi veto dalam Majlis Keselamatan untuk mengetepikan usul yang dibawa oleh Amerika Syarikat (AS) bagi mengenakan sekatan ke atas Myanmar berhubung soal hak asasi dan sistem politik negara itu yang menekan ama-

**Situasi di Myanmar bukan satu situasi yang sewajarnya dilihat sebagai satu isu keselamatan antarabangsa yang akan mempunyai impak ke atas rantau ini**

— Abdullah Ahmad Badawi

lan demokrasi.

Kedua-dua negara itu berpendapat Majlis Keselamatan bukan forum untuk membincangkan isu Myanmar yang bukan merupakan satu ancaman kepada keselamatan antarabangsa.

Mengulas lanjut, Abdullah memberitahu, beliau merasakan bahawa tindakan kedua-dua negara berkenaan merupakan soal prinsip dalam konteks isu Myanmar.

Pada Rabu lalu, menteri-menteri luar

ASEAN menyentuh dengan panjang lebar isu Myanmar apabila Yangon merayu supaya ia dipertahankan daripada tekanan Barat yang terus mengenakan tekanan termasuk mengancam mahu mengenakan sekatan PBB.

Menteri-menteri luar ASEAN menggesa Myanmar memberikan peranan yang sewajarnya kepada ASEAN untuk bertindak dan membantunya jika ia tidak mahu isu Yangon diantarabangsakan.

— Mingguan